

Lelaki amuk guna senjata tajam di surau Kg Tabuan Lot didakwa

Tertuduh mengaku tidak bersalah susulan insiden 23 November lalu

KUCHING: Seorang lelaki yang dilaporkan mengamuk menggunakan senjata tajam di sebuah surau di Kampung Tabuan Lot bulan lalu didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Tertuduh yang berusia 25 tahun mengaku tidak bersalah apabila pertuduhan di bawah Seksyen 326 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 326A di hadapan Hakim Noorhisham Mohd Jaafar.

Dia didakwa dengan sengkaja menyebabkan kecederaan terhadap bapa saudara kepada datuknya yang berusia 70 tahun.

Seksyen 326 memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan denda atau sebatan, jika sabit kesalahan.

Seksyen 326A pula membolehkan hukuman ditingkatkan sehingga dua kali ganda tempoh maksimum penjara jika kecederaan dilakukan terhadap ahli keluarga di bawah seksyen-seksyen tertentu dalam Kanun Keseksaan.

Kesalahan itu didakwa



DIDAKWA: Tertuduh (tengah) diiringi keluar dari kamar mahkamah selepas prosiding di Mahkamah Sesyen Kuching, semalam.

berlaku di surau berkenaan sekitar jam 7.20 malam, 23 November lalu.

Difahamkan, siasatan awal polis mendapati tertuduh dipercayai minum minuman keras di luar surau sehingga mabuk sebelum kejadian.

Sekitar jam 7 malam, dia dilaporkan tiba di surau terbabit sambil membawa sebilah pisau pemotong daging dan bertindak agresif.

Saksi di lokasi dipercayai mengarahkannya keluar, namun dia enggan dan semakin berang.

Apabila mangsa melihat keadaan tersebut dan menegurnya, tertuduh didakwa menjadi lebih agresif lalu menghampiri mangsa sambil masih memegang pisau berkenaan.

Berasa terancam dan takut dicerderakan, mangsa diper-

cayai menyiram air panas ke arah tertuduh.

Pada ketika itu, tertuduh didakwa membaling pisau tersebut ke arah mangsa sehingga terkena tangan kirinya yang menyebabkan tulang jari tengah serta jari manis mangsa retak.

Beberapa individu menyaksikan kejadian itu yang turut dirakam melalui kamera litar tertutup (CCTV) surau.

Rakaman tersebut difahamkan menunjukkan tingkah laku agresif tertuduh, termasuk mengacah pisau pemotong daging serta insiden yang membawa kepada kecederaan berkenaan.

Tertuduh kemudian cuba melarikan diri, namun berjaya dikejar dan ditahan penduduk kampung tidak lama selepas itu.

Timbalan Pendakwa Raya Adriana Maisarah Mohd Farid mewakili pihak pendakwaan, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Mahkamah menetapkan 6 Januari tahun hadapan untuk pengurusan kes praperbicaraan.